

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 28

Baki-baki daripada buku Perniagaan Hari pada 1 Januari 2017 adalah seperti berikut:

	RM
Modal	18,000
Inventori	15,400
Bank	3,450
Akaun belum terima	2,550
Akaun belum bayar	3,400

Pada bulan Januari 2017, urusan niaga berikut telah berlaku:

- (i) Membayar kepada seorang akaun belum bayar RM820 secara cek.
- (ii) Hari telah mengeluarkan barang niaga bernilai RM350 untuk kegunaan peribadi.
- (iii) Menerima sekeping cek dari akaun belum terima RM920.
- (iv) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM540 kerana salah saiz.
- (v) Belian barang niaga secara cek sebanyak RM750.
- (vi) Inventori yang kosnya RM600 telah dijual pada harga RM1,040 secara cek.
- (vii) Membayar sewa bulan Januari RM1,200 secara cek.
- (viii) Membayar upah pekerja sebanyak RM400 dengan cek.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan satu jadual yang menunjukkan kesan urusan niaga di atas terhadap akaun-akaun yang berkaitan.
- (b) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Januari 2017.